## HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Insurans Hayat

**Pelanggan yang dihormati,**
Helaian Pendedahan Produk ini memberikan anda maklumat penting tentang insurans hayat anda.
Pelanggan lain telah membaca Helaian Pendedahan Produk ini dan mendapati ia membantu; **anda harus membacanya juga**.

**Tarikh: 26/09/2025**

### ➊ Apa itu Etiqa Life Secure?

**Etiqa Life Secure** menyediakan perlindungan insurans untuk 49 tahun. Ia membayar manfaat kematian dan manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) secara sekaligus sepanjang tempoh polisi.

### ➋ Ketahui Perlindungan/Manfaat Anda

| **Sebagai ilustrasi, untuk RM5,179.50 tahunan, anda akan menerima perlindungan/manfaat insurans hayat berikut.** | | |
|---|---|---|
| 1 | Manfaat Kematian | **RM500,000** |
| 2 | Manfaat HUMK | **RM500,000**<br>**Nota:** Manfaat yang akan dibayar untuk HUMK yang berlaku sebelum hari jadi ke-64, dan tertakluk kepada RM2 juta bagi semua polisi dengan kami. |
| 3 | Manfaat Serahan | Nilai serahan |

**Peringatan:** Sila rujuk ilustrasi jualan untuk butiran-butiran produk ini. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi kami atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Insurans hayat anda **mengecualikan**:
* Bunuh diri – sekiranya kematian akibat bunuh diri dalam tempoh 1 tahun dari tarikh pengeluaran atau tarikh pengembalian semula yang terkini.
* HUMK yang berlaku secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh mana-mana yang berikut:
  a) Kecederaan diri yang disengajakan, atau cubaan membunuh diri, ketika waras atau tidak waras;
  b) Penyertaan di dalam apa-apa perbuatan jenayah atau menyalahi undang-undang, mogok, rusuhan, keganasan atau kekecohan awam.

**Nota:** Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Anda perlu merujuk kepada polisi untuk senarai pengecualian yang lengkap.

**Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai insurans hayat anda, anda boleh:**

| | | | |
|---|---|---|---|
| Hubungi kami di 1-300-13-8888 (Etiqa Oneline) | Lawati kami di laman web[1] | Emel kami di info@etiqa.com.my | Imbas kod QR |

[1]https://www.etiqa.com.my/hayat-dan-keluarga/etiqa-life-secure-insurans

### ➌ Ketahui Kewajipan Anda

| **Untuk insurans hayat anda, anda mesti membayar premium sebanyak:** | |
|---|---|
| Premium | **RM5,179.50** tahunan |
| Tempoh: Sehingga umur 80 tahun | |
| **Anda juga perlu membayar fi dan caj berikut:** | |
| Duti Setem | **RM10** dibayar oleh kami |
| Jumlah Komisen | 3.49% daripada jumlah premium atau **RM8,856.95** |
| Caj-caj lain yang dikenakan | Tidak berkenaan |

### ➍ Syarat Utama Lain

* Anda mesti mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur anda dengan betul bagi membantu kami membuat keputusan yang betul untuk menerima risiko dan menentukan kadar dan terma polisi anda. Jika sebaliknya, anda mungkin berisiko membatalkan kontrak anda, tuntutan anda ditolak, atau terma dan syarat polisi diubah.
* Anda harus memastikan bahawa pelan ini memenuhi keperluan anda dan anda mampu membayar premiumnya.
* Tempoh tangguh – Tempoh masa tambahan yang diberikan kepada anda untuk membayar premium yang perlu dibayar. Tempoh tangguh di bawah polisi ini adalah 31 hari dari tarikh premium yang perlu dibayar.
* Pinjaman premium automatik akan diaktifkan secara automatik apabila premium tertunggak masih belum dibayar pada penghujung tempoh tangguh, dengan syarat polisi telah memperoleh nilai serahan untuk menolak premium yang belum dibayar. Polisi akan terus berkuatkuasa selagi baki nilai serahan mencukupi untuk membuat pembayaran tersebut.

**Nota:** Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Anda perlu merujuk kepada polisi untuk senarai terma dan syarat yang lengkap.

### ❓ Bolehkan saya membatalkan polisi saya?

Ya, anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan arahan bertulis kepada kami

- **Tempoh percuma**: Anda boleh membatalkan polisi dengan memberi arahan bertulis kepada Kami dalam tempoh 15 hari selepas polisi dihantar kepada anda. Premium yang telah anda bayar (tolak sebarang fi pemeriksaan perubatan yang ditanggung) akan dikembalikan kepada anda.
- **Selepas tempoh percuma:** Anda boleh membatalkan polisi anda dengan mengembalikan polisi kepada kami berserta permohonan serahan secara bertulis. Nilai serahan tunai (jika ada) akan dibayar kepada anda.

**Pengakuan Pelanggan ***

Pastikan anda mengisi bahagian ini sendiri dan anda faham tujuan tandatangan anda.

- ☐ Saya mengakui bahawa Etiqa Life Insurance Berhad telah memberikan saya salinan Helaian Pendedahan Produk bagi Etiqa Life Secure dan rider, sekiranya berkenaan.
- ☐ Saya telah membaca dan memahami maklumat utama yang terkandung dalam Helaian Pendedahan Produk ini bagi Etiqa Life Secure dan rider, sekiranya berkenaan.

* Pengakuan pelanggan terhadap Helaian Pendedahan Produk ini tidak akan menjejaskan haknya untuk mendapatkan ganti rugi sekiranya berlaku pertikaian seterusnya mengenai terma dan syarat produk.

____________________________

Nama:

Tarikh:

# HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

eTiQa
Insurans Hayat

**Pelanggan yang dihormati,**
Helaian Pendedahan Produk ini memberikan anda maklumat penting tentang rider insurans hayat anda.
Pelanggan lain telah membaca Helaian Pendedahan Produk ini dan mendapati ia membantu; **anda harus membacanya juga**.

**Tarikh: 26/09/2025**

## ❶ Apa itu Rider Kemalangan?

**Rider Kemalangan** adalah rider pembayaran premium yang boleh dilampirkan kepada pelan insurans hayat untuk **39** tahun. Ia akan membayar manfaat kemalangan jika orang yang diinsuranskan meninggal dunia atau mengalami hilang upaya menyeluruh dan kekal (HUMK) disebabkan oleh kemalangan.

## ❷ Ketahui Perlindungan/Manfaat Anda

<table>
<tr><th colspan="3">Sebagai ilustrasi, untuk RM137.00 tahunan, anda akan menerima perlindungan/manfaat rider insurans hayat berikut.</th></tr>
<tr><td>1</td><td>Manfaat Kematian atau Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan</td><td>Sehingga RM100,000, berdasarkan kesan kemalangan, seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:
<table>
<tr><th>Kesan Kemalangan</th><th>Manfaat dibayar berkadaran dari jumlah yang diinsuranskan rider</th></tr>
<tr><td>Kematian</td><td>100%</td></tr>
<tr><td>Hilang dua atau lebih anggota di antara pergelangan tangan dan bahu untuk tangan atau di antara buku lali dan pinggul untuk kaki</td><td>100%</td></tr>
<tr><td>Hilang penglihatan kedua-dua mata yang menyeluruh dan tidak boleh dipulihkan</td><td>100%</td></tr>
<tr><td>Hilang penglihatan sebelah mata yang menyeluruh dan tidak boleh dipulihkan dan hilang satu anggota di antara pergelangan tangan dan bahu untuk tangan atau di antara buku lali dan pinggul untuk kaki</td><td>100%</td></tr>
<tr><td>Hilang satu anggota di antara pergelangan tangan dan bahu untuk tangan atau di antara buku lali dan pinggul untuk kaki</td><td>60%</td></tr>
<tr><td>Hilang penglihatan sebelah mata yang menyeluruh dan tidak boleh dipulihkan</td><td>60%</td></tr>
<tr><td>Hilang pendengaran kedua-dua telinga yang menyeluruh dan tidak boleh dipulihkan</td><td>60%</td></tr>
<tr><td>Hilang kebolehan bertutur yang menyeluruh dan tidak boleh dipulihkan</td><td>60%</td></tr>
<tr><td>Hilang ibu jari dan jari telunjuk di antara sendi buku jari dan hujung jari untuk mana-mana belah tangan</td><td>25%</td></tr>
</table></td></tr>
<tr><td>2</td><td>Manfaat Indemniti Berganda</td><td>Tambahan 100% jumlah yang diinsuranskan akan dibayar jika kemalangan berlaku disebabkan oleh:<br>a) Semasa orang yang diinsuranskan menaiki pengangkutan darat awam yang berlesen komersial sebagai penumpang yang membayar tambang, di laluan yang ditetapkan, seperti bas atau kereta api (selain daripada teksi, kenderaan sewa, atau pesawat udara);<br>b) Semasa orang yang diinsuranskan berada di dalam lif atau kereta kabel (tidak termasuk yang digunakan di lombong dan di tapak pembinaan) diperakui dengan sewajarnya untuk membawa penumpang; atau<br>c) Akibat secara langsung daripada kebakaran di dalam bangunan awam seperti hotel, teater atau panggung wayang, semasa orang yang diinsuranskan berada di dalamnya.</td></tr>
<tr><td>3</td><td>Manfaat Tunai Ihsan</td><td>Bayaran tambahan sebanyak 5% daripada jumlah yang diinsuranskan rider, sehingga jumlah maksimum RM 5,000 setiap hayat, bagi kematian yang disebabkan oleh semua punca.</td></tr>
<tr><td>4</td><td>Manfaat Peralatan Perubatan / Alat Bantuan Pergerakan</td><td>Tambahan RM150 setiap kemalangan</td></tr>
</table>

**Peringatan:** Sila rujuk kepada ilustrasi jualan tentang maklumat produk ini. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi kami atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Rider anda **mengecualikan**:
a) Penyertaan dalam apa-apa perbuatan jenayah atau menyalahi undang-undang, rusuhan, kekecohan awam, pemberontakan, perang (sama ada diisytiharkan atau tidak), revolusi atau apa-apa operasi perang, tindakan musuh luar, apa-apa tindakan keganasan dan perang kimia;
b) Terlibat dalam apa-apa sukan atau hobi atau aktiviti berbahaya seperti (tetapi tidak terhad kepada) menunggang kuda, perlumbaan kuda berhalang, polo, berlumba kuda, sukan air seperti menyelam bawah air (kecuali kapal layar tidak bermotor atau berenang), berburu, berlumba (selain perlumbaan menggunakan kaki) perlumbaan kenderaan bermotor, mendaki gunung atau aktiviti kembara gua atau penerokaan gua dan sukan musim sejuk.

**Nota:** Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Anda perlu merujuk kepada polisi untuk senarai pengecualian yang lengkap.

**Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai rider anda, anda boleh:**

| | | | |
|---|---|---|---|
| Hubungi kami di 1-300-13-8888 (Etiqa Oneline) | Lawati kami di laman web ini[1] | E-mel kami di info@etiqa.com.my | Imbas kod QR |

[1] https://www.etiqa.com.my/hayat-dan-keluarga/etiqa-life-secure-insurans

## ❸ Ketahui Kewajipan Anda

| | |
|---|---|
| **Untuk rider yang anda lampirkan, anda mesti membayar premium sebanyak:** | |
| Premium | **RM137.00** tahunan |
| Tempoh: Sehingga umur 70 tahun. | |
| **Anda juga perlu membayar fi dan caj berikut**: | |
| Jumlah Komisen | 4.38% dari jumlah premium rider atau **RM234.27** |

## ❹ Syarat Utama Lain

* Kematian atau hilang upaya kekal berlaku dalam masa sembilan puluh (90) hari daripada tarikh kemalangan.

**Nota:** Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Anda perlu merujuk kepada polisi untuk senarai terma dan syarat yang lengkap.

## Bolehkah saya membatalkan rider saya?

Ya, anda boleh membatalkan rider anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami.

## HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

eTiQa
Insurans Hayat

### Pelanggan yang dihormati,

Helaian Pendedahan Produk ini memberikan anda maklumat penting tentang rider perubatan dan kesihatan anda.
Pelanggan lain telah membaca Helaian Pendedahan Produk ini dan mendapati ia membantu; **anda harus membacanya juga**.

**Tarikh: 26/09/2025**

## 1 Apa itu Rider Pendapatan Hospital?

**Rider Pendapatan Hospital** adalah rider pembayaran premium yang boleh dilampirkan kepada pelan insurans hayat untuk 39 tahun. Ia akan membayar manfaat tunai harian semasa penghospitalan orang yang diinsuranskan.

## 2 Ketahui Perlindungan/Manfaat Anda

| **Sebagai ilustrasi, untuk RM52.25 tahunan, anda akan menerima perlindungan/manfaat rider perubatan dan kesihatan berikut.** | |
|---|---|
| Perlindungan | **RM50** setiap hari |
| Rider Pendapatan Hospital | Manfaat tunai harian akan dibayar sekiranya orang yang diinsuranskan dimasukkan ke hospital, sehingga 365 hari sepanjang tempoh rider. |

| Jenis Manfaat | Manfaat Tunai Harian (RM) |
|---|---|
| Wad Biasa | RM50 |
| Unit Rawatan Rapi (ICU) / Unit Rawatan Koronari (CCU) / Unit Rawatan Rapi Neonatal (NICU) | RM100 |
| Penghospitalan Luar Negara | RM50 |
| Penghospitalan berkaitan penyakit-penyakit kehamilan | RM50 |

**Peringatan:** Sila rujuk kepada ilustrasi jualan tentang maklumat produk ini. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi kami atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Rider anda **mengecualikan**:

a) Penyertaan dalam apa-apa perbuatan jenayah atau menyalahi undang-undang, rusuhan, kekecohan awam;
b) Perang (sama ada diisytiharkan atau tidak), revolusi, serangan oleh negara asing, atau pencerobohan;
c) Penyertaan dalam sukan atau aktiviti berbahaya atau mempunyai risiko seperti (tetapi tidak terhad kepada) menunggang kuda, sukan air (kecuali kapal layar dan berenang), memburu, perlumbaan (kecuali perlumbaan jalan kaki), mendaki gunung, meneroka atau kembara gua, dan sukan musim sejuk;
d) Penyertaan dalam sebarang bentuk penerbangan (kecuali sebagai penumpang yang membayar tambang atau anak kapal pada laluan tetap yang dikendalikan oleh syarikat penerbangan komersial), atau sukan udara seperti (tetapi tidak terhad kepada) terjunan udara, payung terjun, terjun bungee, luncur udara dan belon;
e) Kematian yang disengajakan atau bunuh diri;
f) Penggunaan alkohol, tanpa preskripsi atau penyalahgunaan dadah atau narkotik;
g) Provokasi fizikal dan ganas oleh orang yang diinsuranskan, yang menyebabkan maklum balas yang serupa kepada kecederaan atau kematian; atau
h) Penyedutan racun, gas atau parfum sama ada suka rela atau tidak suka rela;
i) Pencemaran radioaktif yang timbul daripada bahan api, senjata, sisa atau pemprosesan;
j) Virus Immunodeficiency Manusia (HIV), Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) atau sekarang keadaan berkaitan AIDS; atau
k) Penyakit atau gangguan kelamin, dan keadaan-keadaan yang berpunca daripada penyakit atau gangguan ini;
l) Apa-apa penyakit atau gangguan yang berlaku dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari perlindungan berterusan daripada tarikh dikeluarkan atau sebarang pengembalian semula, mana yang terdahulu, melainkan akibat daripada kemalangan;
m) Psikiatri, Keadaan Perubatan yang berkaitan dengan mental atau sistem saraf, termasuk tetapi tidak terhad kepada neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikosomatik mereka;
n) Rawatan elektif atau prosedur plastik / kosmetik, penyiasatan, diagnostik, pencegahan, yang bukan perlu dari segi perubatan;
o) Rawatan mata, prosedur, atau ujian termasuk tetapi tidak terhad kepada pembiasan atau pembedahan pembetulan rabun jauh (Keratotomi Radial);
p) Rawatan pergigian, prosedur, atau ujian, kecuali apabila diperlukan kerana kemalangan pada gigi asli yang sihat yang berlaku sepenuhnya dalam tempoh kontrak;
q) Pendermaan organ dan tisu, dan rawatan atau prosedur untuk berdengkur, gangguan tidur, obesiti dan berat badan;
r) Prosedur, rawatan atau ujian yang berkaitan dengan kehamilan, kelahiran anak (termasuk kelahiran secara pembedahan), keguguran, pengguguran, penjagaan sebelum atau selepas kelahiran, kemandulan, terapi penggantian hormon, pencegahan kehamilan, pemandulan, kecacatan kelahiran, penyakit atau keadaan kongenital atau keturunan, mati pucuk dan berkhatan;
s) Keadaan sedia ada kecuali keadaan tersebut telah diisytiharkan pada masa permohonan ataupun pengembalian semula dan diterima oleh Kami sebelum tarikh berkuatkuasa atau tarikh pengembalian semula; atau
t) Rawatan penyakit mental dan gangguan psikiatri, kecederaan diri sendiri yang disengajakan, cubaan membunuh diri, penyalahgunaan alkohol, dan penagihan dadah dan pemeriksaan perubatan rutin atau perundingan.

**Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai rider anda, anda boleh:**

| | | | |
|---|---|---|---|
| Hubungi kami di 1-300-13-8888 (Etiqa Oneline) | Lawati kami di laman web ini[1] | E-mel kami di info@etiqa.com.my | Imbas kod QR |

[1] https://www.etiqa.com.my/hayat-dan-keluarga/etiqa-life-secure-insurans

## 3 Ketahui Kewajipan Anda

| **Untuk rider yang anda lampirkan, anda mesti membayar premium sebanyak:** | |
|---|---|
| Premium | **RM52.25** tahunan |
| Tempoh: Sehingga umur 70 tahun. | |

| **Anda juga perlu membayar fi dan caj berikut**: | |
|---|---|
| Jumlah Komisen | 4.39% dari jumlah premium rider atau **RM89.36**<br><br>of total premium or **RM89.36** |

## ❹ Syarat Utama Lain

* Perlindungan anda hanya akan bermula 30 hari kalendar selepas tarikh dikeluarkan, atau tarikh pengembalian semula yang terkini, mana-mana yang lebih kemudian, melainkan akibat daripada kemalangan.
* Tempoh penghospitalan mesti sekurang-kurangnya 6 jam berturut-turut.
* Dalam kes dimana orang yang diinsuranskan adalah juvana, manfaat tunai harian wad biasa adalah terhad kepada RM 200 sehari.
* Setiap keadaan - di mana satu atau lebih penghospitalan bagi sesuatu diagnosis, rawatan atau penjagaan khusus, di mana setiap penginapan berlaku dalam tempoh 14 hari dari tarikh penginapan sebelumnya dan akibat daripada keadaan kemalangan atau penyakit yang sama.
* Manfaat wad biasa adalah sehingga 180 hari setiap keadaan.
* Manfaat ICU/CCU/NICU adalah sehingga 20 hari setiap keadaan.
* Manfaat penghospitalan luar negara adalah sehingga 30 hari setiap keadaan.
* Manfaat penghospitalan disebabkan penyakit-penyakit berkaitan kehamilan adalah sehingga 3 hari setiap keadaan. Kelahiran dan pengguguran adalah tidak dilindungi, kecuali pengguguran atas nasihat doktor.

**Nota:** Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Anda perlu merujuk kepada polisi untuk senarai terma dan syarat yang lengkap.

## Bolehkah saya membatalkan rider saya?

Ya, anda boleh membatalkan rider anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami.

# HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Insurans Hayat

## Pelanggan yang dihormati,

Helaian Pendedahan Produk ini memberikan anda maklumat penting tentang rider insurans hayat anda.
Pelanggan lain telah membaca Helaian Pendedahan Produk ini dan mendapati ia membantu; **anda harus membacanya juga**.

**Tarikh26/09/2025**

## 1 Apa itu Rider Pengecualian Premium ke atas Diagnosis Penyakit Kritikal?

**Rider Pengecualian Premium ke atas Diagnosis Penyakit Kritikal** adalah rider pembayaran premium yang boleh dilampirkan kepada pelan insurans hayat untuk **29** tahun. Sekiranya orang yang diinsuranskan didiagnosis dengan salah satu daripada 35 penyakit kritikal yang dilindungi, premium masa hadapan polisi akan dikecualikan sehingga tamat tempoh rider.

## 2 Ketahui Perlindungan/Manfaat Anda

| **Sebagai ilustrasi, untuk RM312.46 tahunan, anda akan menerima perlindungan/manfaat rider insurans hayat berikut.** | |
|---|---|
| Rider Pengecualian Premium ke atas Diagnosis Penyakit Kritikal | Sekiranya orang yang diinsuranskan didiagnosis dengan salah satu daripada 35 penyakit kritikal yang dilindungi, premium masa hadapan polisi akan dikecualikan sehingga tamat tempoh rider.<br><br>**Nota**: Sila rujuk polisi anda untuk butiran tentang penyakit kritikal yang dilindungi**.** |

**Peringatan:** Sila rujuk kepada ilustrasi jualan tentang maklumat produk ini. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi kami atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Rider anda **mengecualikan**:
* Penyakit kritikal yang berlaku disebabkan oleh mana-mana kejadian atau keadaan secara langsung atau tidak langsung berikut:
c) Penyertaan dalam apa-apa perbuatan jenayah, rusuhan, kekecohan awam, pemberontakan, perang (samada diisytiharkan atau tidak), revolusi atau apa-apa operasi perang, tindakan musuh luar, apa-apa tindakan keganasan dan perang kimia;
d) Terlibat dalam apa-apa sukan atau hobi berbahaya seperti (tetapi tidak terhad kepada) perlumbaan kuda berhalang, polo, berlumba kuda, menyelam bawah air, berburu, perlumbaan kenderaan bermotor, mendaki gunung atau aktiviti kembara gua;
e) Penyertaan dalam apa-apa bentuk penerbangan (kecuali sebagai penumpang yang membayar tambang atau anak kapal dalam perjalanan biasa yang dikendalikan oleh sistem penerbangan komersil), atau sukan udara seperti (tetapi tidak terhad kepada) terjun udara, sukan payung terjun, terjun bungee, luncur gantung dan aktiviti menaiki belon;
f) Kecederaan diri yang disengajakan atau bunuh diri atau cubaan bunuh diri, ketika waras atua tidak waras;
g) Kecederaan atau penghospitalan akibat penagihan dadah, atau semasa di bawah pengaruh alkohol;
h) Penyakit kritikal yang tidak tersenarai dalam Definisi Penyakit Kritikal;
i) Penyakit kritikal yang berlaku sebelum tarikh dikeluarkan atau tarikh pengembalian semula yang terkini.

**Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai rider anda, anda boleh:**

| | | | |
|---|---|---|---|
| Hubungi kami di 1-300-13-8888 (Etiqa Oneline) | Lawati kami di laman web ini[1] | E-mel kami di info@etiqa.com.my | Imbas kod QR |

[1] https://www.etiqa.com.my/hayat-dan-keluarga/etiqa-life-secure-insurans

## 3 Ketahui Kewajipan Anda

| **Untuk rider yang anda lampirkan, anda mesti membayar premium sebanyak:** | |
|---|---|
| Premium | **RM312.46** tahunan |
| Tempoh: Sehingga umur 60 tahun. | |
| **Anda juga perlu membayar fi dan caj berikut**: | |
| Jumlah Komisen | 5.90%  dari jumlah premium rider atau **RM534.31** |

## 4 Syarat Utama Lain

* Perlindungan anda untuk penyakit kritikal hanya akan bermula 30 hari kalendar selepas tarikh dikeluarkan, atau tarikh pengembalian semula yang terkini, mana-mana yang lebih kemudian.
* Perlindungan anda untuk penyakit kritikal berikut hanya akan bermula 60 hari kalendar selepas tarikh dikeluarkan, atau tarikh pengembalian semula yang terkini, mana-mana yang lebih kemudian.
a) Kanser;
b) Penyakit koronari hati yang memerlukan pembedahan;
c) Sakit jantung; dan
d) Penyakit koronari arteri serius yang lain.
* Tempoh kelangsungan hidup penyakit kritikal: 30 hari selepas diagnosis penyakit kritikal.

**Nota:** Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Anda perlu merujuk kepada polisi untuk senarai terma dan syarat yang lengkap.

## Bolehkah saya membatalkan rider saya?

Ya, anda boleh membatalkan rider anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami.